

MERUNGKAI SINDROM MEDIOKRITI DALAM CERPEN POPULAR KARYA NADIA KHAN

(Unraveling the Mediocrity Syndrome in Popular Short Stories by Nadia Khan)

Nurul Nuraina Anuar & Nur Nafishah Azmi

ABSTRAK

Esei ini bertujuan untuk memahami konsep mediokriti dalam cerpen Nadia Khan, *Kopi Kola* dan *Puaka Pak Jaha* (2012). Hujahan esei ini adalah berteraskan perspektif ilmu yang digariskan oleh seorang cendekiawan Muslim iaitu Syed Naquib Al-attas (1995) dan berhubungkait dengan teori evolusi ketamadunan yang diperkenalkan oleh Malik Bennabi (2001). Masyarakat hari ini diandaikan sebagai masyarakat pasca-tamadun yang dipupuk oleh pelbagai sumber hiburan yang turut mendominasi karya sastera popular khususnya. Fokus hujahan ini akan menganalisis ciri-ciri mediokriti dalam kedua-dua cerpen di atas disadari dengan konsep ilmu yang bersifat intelektual. Kesemua ini akan dihubungkan bagi menerokai hubungan antara ilmu yang diperoleh daripada pengalaman. Kaedah yang digunakan dalam esei ini adalah bacaan terperinci terhadap teks dan menganalisa sudut pandang pembacaan karya dipilih secara intrinstik dan ekstrinsik melihat kepada pengaruh dan pemberian makna. Hasil kajian menunjukkan bahawa ilmu memainkan peranan penting bagi mengekang pengaruh mediokriti baik dari segi pemikiran mahupun dalam penulisan sastera. Justeru hasil kajian ini diharapkan agar dapat memberi manfaat dan kepentingan bagi pengkaji akan datang dalam memperkasakan kualiti dan nilai tamadun manusia.

Kata kunci: mediokriti, sastera, ilmu, manusia, cerpen.

ABSTRACT

In this essay I explore the concept of mediocre in the short stories of Nadia Khan, *Kopi Kola* and *Puaka Pak Jaha* (2012). My argument is based on the concept of knowledge outlined by a famous Muslim scholar, Syed Naquib Al-Attas (1995) and is associated with the evolutionary of civilization introduced by Malik Bennabi (2001). Today's society is assumed to be a post-civilized society nurtured by various entertainment sources that also dominate the popular literary. The focus of the argument has been to analyze the characteristics of mediocrity in the two short stories based on the concept of intellectual knowledge. All of this will be relayed to explore the relationship between knowledge gained from experience. The method I use in this essay is a close reading of the text and analyze the perspective of reading essentially and explicitly through the selected work looking at the influence and the meaning. The findings show that knowledge plays an important role in reducing the influence of mediocrity both in thinking and in literary writing. Hence, the results of this study are expected to benefit the future researchers in empowering the quality and value of human civilization.

Keywords: mediocrity, literature, knowledge, human, short story.

PENDAHULUAN

Sejak di bangku sekolah, saya dan rakan-rakan dinasihatkan oleh guru untuk sentiasa membaca buku. Katanya, untuk menjadi pelajar cemerlang, kita harus sentiasa membaca. Selaras dengan itu, terdapat satu program yang menggalakkan murid-murid untuk membaca yang dinamakan program NILAM (Nadi Ilmu Amalan Membaca). Kami diberi sebuah buku catatan bagi mencatat maklumat buku yang dibaca. Pada buku tersebut, pelajar dikehendaki untuk merekodkan bahan bacaan mereka. Antara perkara yang perlu direkodkan ialah tajuk buku, tahun terbit serta rumusan pelajar daripada pembacaan buku tersebut. Dalam ruangan sinopsis perlu diisi perkataan atau tatabahasa yang asing bagi pelajar. Pelajar perlu mencari maknanya. Dengan itu, pelajar bukan sahaja mendapat pengalaman baru melalui pembacaan malah tatabahasa pelajar juga bertambah.

Pengalaman pertama kali melangkah masuk ke perpustakaan adalah satu pengalaman yang tidak dapat saya lupakan. Melihat begitu banyak deretan buku yang tersusun pada rak membuat saya begitu teruja untuk membaca. Pengalaman membaca buku seolah-olah meletakkan saya dalam satu dunia yang berbeza. Penghayatan yang sepenuhnya kepada bahan bacaan membuka satu dimensi baru kepada saya. Ketika membaca, saya dapat membayangkan keadaan dan situasi seperti yang digambarkan dalam cerita itu. Membaca memberi saya satu pengalaman baru yang tidak boleh saya dapati dalam dunia realiti.

Bercita-cita untuk menjadi seorang yang baik dari segi luaran dalam dalaman menjadikan Islam sebagai pegangan yang kukuh. Asalnya segala pelajaran yang telah didoktrinkan daripada lahir hingga dewasa menjadikan saya terasa terhimpit dan terseksa. Otak memberontak untuk berfikir tetapi masih tidak kenal akan akal. Sehingga satu hari, akal hidup dan sering memberi persoalan kepada setiap yang telah didoktrinkan itu. Bukan setakat perlakuan yang beragama malah setiap hembusan nafas dipertikaikan dan akhirnya ilmu dari akal itu hadir. Ilmu Islam yang sebenarnya hadir dan memberi nafas baru kepada kehidupan. Bermulalah pengalaman seorang manusia beralih kepada seorang insan kerana telah adanya penyakisan dengan mata hati yang celik.

Ajaran Islam yang menekankan betapa pentingnya ilmu pengetahuan telah menjadikan umatnya mampu menguasai pelbagai bidang ilmu pengetahuan (Azam Hamzah, 1990). Ketika membaca buku siri teladan, saya kagum dengan pemikir-pemikir Islam terdahulu yang mampu mencipta pelbagai inovasi yang hebat sehingga boleh digunapakai hingga ke hari ini. Pencapaian ilmuwan-ilmuwan ini telah menjadi bukti kejayaan tamadun Islam dalam pelbagai ilmu pengetahuan yang menyerikan zaman kegemilangan Islam.

Menurut tokoh akademik Malik Bennabi (2001), teori evolusi ketamadunan masyarakat terdiri daripada tiga tahap perkembangan iaitu masyarakat pra-tamadun (*Mujtama' qabla al-Hadharah*), masyarakat bertamadun (*al-Mujtama' al-Mutahadhdhir*) dan masyarakat pasca-tamadun (*Mujtama' ba'da al-Hadharah*). Masyarakat pra-tamadun menurut Bennabi pada asasnya adalah masyarakat primatif yang mempunyai pandangan yang tidak matang mengenai benda, orang dan idea. Ia juga digelar sebagai masyarakat yang bersifat primier; dalam erti kata lain, tidak mempunyai hubungan jelas dengan dunia luar. Ini adalah sifat semulajadi atau *nature* masyarakat Jahiliyyah. Mereka berpegang kepada benda-benda yang tidak bernyawa (berhala)

dan melakar kepercayaan peribadi kepada pemimpin mereka. Masyarakat bertamadun pula ialah masyarakat yang berinteraksi secara berkesan dengan sejarah. Masyarakat bertamadun ini muncul apabila sesebuah masyarakat tersebut mula keluar dari kepompong jahiliyyah sebelum kedatangan Islam.

Dalam sejarah ketamadunan, kemunculan Islam dilihat sebagai pembina alam peribadi yang lebih luas atau sebagai “idea baharu” yang memberi pencerahan serta sarat dengan nilai dan peraturan lengkap tentang kehidupan. Masyarakat pasca-tamadun pula ialah masyarakat yang mengalami kemerosotan nilai hidup hasil daripada kebekuan idea. Menurut Bennabi, tahap ketiga tamadun merupakan tahap kemunduran akibat kecenderungan masyarakat yang dikawal oleh material dan hawa nafsu semata. Selain itu, masyarakat pasca-tamadun juga merupakan masyarakat yang hidup dalam kekosongan, tiada arah tujuan serta tiada keinginan untuk berfikir.

Bennabi memberikan satu analogi yang menarik bagi menggambarkan tiga bentuk masyarakat ini. Masyarakat pra-tamadun diibaratkan seperti air yang berada di luar tangki yang mengalir masuk ke dalam tangki dan air di dalam tangki dianggap seperti masyarakat bertamadun yang melalui proses pembersihan dan digunakan untuk pelbagai kegunaan. Apabila telah digunakan, air dialirkan keluar. Justeru masyarakat pasca-tamadun diibaratkan air yang mengalir keluar tangki setelah digunakan iaitu sudah hilang nilai atau dalam erti kata lain sudah tidak boleh digunakan. Dalam hal ini, situasi masyarakat hari ini boleh diletakkan sebagai masyarakat pasca-tamadun (*mujtama' ba'da albadara*).

Masyarakat pasca-tamadun dilihat sebagai mereka yang membawa kepada fasa mediokriti, yakni masyarakat ikutan yang tidak mempunyai perancangan hidup serta tidak tahu bagaimana untuk mencapai matlamat hidup. Mereka ini hidup terapung-rapung tanpa keperibadian dan matlamat akibat daripada kemewahan dan kemajuan material yang berlebihan. Dalam situasi hari ini, masyarakat pasca-tamadun dilihat telah menggantikan ilmu dengan hiburan. Pada zaman dahulu, masyarakat Islam telah mengalami kemunduran kerana kemahuan berpolitik di medan Siffin pada tahun 37 Hijrah.

Pada pandangan Bennabi, perang Siffin telah menjadi titik tolak bermulanya kontradiksi dalaman iaitu semangat jahiliyyah. Namun pada ketika itu ia masih dapat diatasi kerana masih ada tenaga dan jiwa yang berpegang dan beramal dengan al-Quran. Namun begitu, zaman selepas itu menyaksikan berlakunya kemunduran umat Islam dalam aspek penjiwaan. Nilai kehidupan umat Islam telah diterbalikkan dan diganti dengan keseronokkan dan hiburan. Hal ini telah menyebabkan manusia hilang keinginan untuk memahami dan bertindak. Lama-kelamaan kekuatan otak terus hidup dengan menekan akal menjadi beku dan malap kerana kerja akal telah musnah serta ia tidak lagi difahami fungsi dan penggunaanya.

SOROTAN LITERATUR

(i) *Eksplorasi Masalah dan Memberi Solusi*

Someone with stringent normative views might regard it as inexcusably rotten to aim merely for mediocrity in our rotten world. Someone with much less stringent views might think that it's perfectly fine to aim for mediocrity, as long as you avoid being among the worst. I will argue that aiming for mediocrity is neither perfectly fine nor inexcusably rotten. We're morally blameworthy not to aspire for better, but we also deserve tepid praise for avoiding the swampy bottom.

(Schwitzgebel, 2019)

Mengulas kenyataan di atas, mediokriti ini adalah pilihan manusia dengan melihat kebergantungannya dalam penerimaan kepada ilmu. Ilmu itu semakin menaik atau semakin surut. Jika air laut diibaratkan sebagai ilmu, seharusnya ilmu itu tidak akan pernah surut tetapi jika diibaratkan air laut itu sebagai bencana alam, hancurlah segala isi di bumi itu. Perkara ini terjadi apabila otak tidak pernah berada difungsi yang tepat bagi sesuatu ilmu. Dalam hal ini, otak dan akal adalah dua perkara dan perletakan berbeza. Jika otak tempatnya paling tinggi tetapi akal tempatnya paling dalam. Memahami tentang otak adalah melalui persepsi tetapi memahami akal adalah melalui hati iaitu sebuah realiti dengan penemuan rasa.

Akal wujud dalam diri manusia apabila manusia itu berhijrah kepada al-insan (insan) tetapi otak wujud dalam manusia digelar manusia. Membezakan insan dan manusia adalah mereka yang bernar-benar telah mengenal diri dan mereka yang masih dalam kejahilan. Ini juga yang sering dinyatakan bahawa manusia hidup kerana akal bukan manusia hidup kerana otak. Ia juga merupakan unsur yang membezakan manusia dan insan daripada makhluk-makhluk Tuhan yang lain. Dalam al-Quran, penggunaan istilah akal diletakkan pada kedudukan yang paling dalam. Perkataan yang mempunyai kata teras *'I-m* (ilmu) yang berkait rapat dengan dengan akal telah disebut sebanyak 750 kali dalam al-Quran dan ia merupakan perkataan ketiga banyak disebut selepas perkataan Allah (2,800 kali) dan Rabb (950 kali). Hal ini menggambarkan kepentingannya dalam skema keutamaan istilah-istilah al-Quran. Imam al-Ghazali menyatakan perumpamaan akal dengan ilmu adalah seperti buah yang terbit dari pohon atau seperti sinar yang muncul dari mentari atau penglihatan yang terbit dari mata. Terdapat sebanyak 49 kali kata dasar 'a-q-l disebut dalam al-Quran dan 48 daripadanya disebut dalam bentuk kata kerja (*fi'l*) (Mohd Farid 2015).

Sebahagian besarnya mengandungi penekanan terhadap penggunaan akal yang betul termasuk 13 kali sebutannya dalam bentuk pertanyaan negatif seperti "Apakah kamu tidak menggunakan akal?" Ayat-ayat ini diturunkan sebagai satu bentuk kemurkaan Allah terhadap golongan yang ingkar kepadaNya. Contoh yang boleh diambil ialah kemurkaan Allah kepada Bani Isra'il dan Ahli Kitab (Quran 2:44 dan 3:45). Keingkaran mereka adalah berpunca daripada sikap mereka yang tidak menggunakan akal dengan baik, sering berkelakuan dan bertindak bertentangan dengan hukum akal yang kemudiannya tersasar dari jalan yang benar. Dalam al-Quran juga menyebut mengenai istilah-istilah lain yang mempunyai maksud yang sama dengan makna mereka yang berakal seperti *ulu albab* atau *ulu al-nuha*. Imam al-Biq'a'i menghuraikan, "akal yang bersih suci dan memberi kebaikan kepada empunyaanya akal yang hanya

melihaketinggian taqwa dan bersih daripada unsur-unsur kebendaan yang rendah” (Yusuf Qardhawi 1996).

Secara ringkasnya, golongan berakal yang dimaksudkan melalui perkataan *ulu albab* dan *ulu al-nuha* ialah mereka yang sentiasa cenderung kepada cahaya ketuhanan yang tinggi iaitu mereka yang berkecenderungan ke arah hal-hal yang baik dan jauh dari keburukan duniawi. Huraian Imam al-Ghazali mengenai akal dalam kitabnya *Ihya' Ulum al-Din* memberikan empat makna. Pertama, akal digunakan sebagai indikator yang membezakan manusia dan hidupan lain. Kedua, akal memberi makna ilmu-ilmu yang diperoleh oleh kanak-kanak yang sudah boleh mula berfikir. Ketiga, akal ialah ilmu yang didapati melalui pengalaman sepanjang hayat. Yang terakhir ialah dimana akal dijadikan sebagai perisai untuk mengawal hawa nafsu (Fazlul Karim 2015). Berdasarkan pembahagian ini, jelaslah bahawa akal merupakan satu fakulti yang penting dalam diri seseorang yang boleh dibentuk melalui ilmu, pengalaman, penemuan, pembuktian dan pengesahan daripada mereka yang melalui perjalanan yang sama.

Kewibawaan akal kemudiannya dijadikan sebagai satu saluran ilmu yang sah dalam Islam. Kedudukannya diangkat disebabkan oleh kepentingannya sebagai sumber kepada ilmu. Ilmu mempunyai pengertian yang umum dan luas merangkumi setiap aspek kehidupan manusia. Ilmu atau dalam bahasa Arab disebut dengan '*ilm*' yang bermakna pengetahuan (Abd Nabil 1990). Menurut pandangan Syed Naquib al-Attas (1995), beliau mentakrifkan ilmu sebagai penitisan makna sesuatu dalam diri, dimana ilmu sampai kepada makna tertentu. Baginya tiga sumber ilmu iaitu wahyu, akal dan pengalaman mempunyai perbezaan. Pengetahuan hanya boleh diperoleh melalui akal dan pengalaman, manakala ilmu hanya boleh dicapai melalui iman namun pengetahuan yang mendalam mampu menguatkan iman, mengukuhkan keyakinan dan memberi keinsafan kepada keterbatasan akal serta pengalamannya.

Ilmu bukan sekadar pengetahuan tetapi merangkum sekumpulan pengetahuan berdasarkan teori-teori yang disepakati dan dapat secara sistematik diuji dengan seperangkat metode yang diakui dalam bidang ilmu tertentu. Dipandang dari sudut filsafat, ilmu terbentuk karena manusia berusaha berfikir lebih jauh mengenai pengetahuan yang dimilikinya.

(Abdul Mujib, 2019)

Bagi menjelaskan lagi takrif ilmu adalah ketibaan makna ke dalam diri seseorang, sememangnya kehidupan manusia adalah sebagai dorongan untuk mencari makna bagi diri, hidup dengan penciptaNya dan pandangan sekeliling. Ilmu yang benar adalah ilmu yang bersumberkan al-Quran dan al-Hadis, sirah-sirah Nabi, sirah para sahabat Nabi dan sirah tab'i'-tabi'n. Memperjelaskan ilmu itu adalah benar dengan melihat kepada tanda yang bercahaya daripada individu tersebut. Antara kebenaran ilmu adalah seseorang itu dituduh sesat dan salah tetapi tidak dihuraikan akan kesesatannya. Ini juga membawa kepada bibit kebencian tanpa bersebab apabila seseorang itu berkata-kata (*verbal* dan *non-verbal*), difitnah membabi buta dan perkara-perkara yang bertentangan tetapi tidak dapat dinyatakan kebenaran. Ini menyebabkan pemahaman manusia tentang sesuatu membolehkannya berhubung dan berinteraksi dengan yang lain untuk mendapatkan keputusan yang sempurna. Dengan itu, manusia yang berilmu ialah manusia yang merasakan adanya makna kepada diri dan membolehkan ia mengenal, membeza, menilai dan akhirnya menyesuaikan diri dengan persekitaran (Sidek Baba 2006). Selain itu,

sejarah awal pemikiran tentang kesusteraan memperlihatkan hubungkait sastera dengan ilmu. Setelah itu, wujudnya pemikiran cendekiawan yang berbeza dan meneroka bidang penulisan sehingga munculnya percanggahan antara ilmu dan sastera.

Bangsa Malaysia mencerminkan sesuatu bangsa atau komuniti. Amat sukar untuk mentafsirkan tujuan pembaca. Jika pembaca ingin mengetahui resepi masakan, pembaca akan memilih bahan bacaan seperti buku masakan. Jika tujuannya adalah untuk mencari maksud sesuatu perkataan, kamus adalah jawapannya. Ada juga yang membaca untuk mendapat ilmu pengetahuan dan membaca untuk keperluan jiwa. Membaca merupakan satu tindakan yang berlaku di bawah pengetahuan kita. Begitu pula dalam perihal memilih bahan bacaan. Ada yang berpendapat bahawa buku yang diharamkan adalah yang baik untuk bacaan. Kita adalah hasil daripada apa yang kita baca. Pandangan dan pendirian kita terhadap sesuatu mungkin atau tidak akan mempengaruhi bahan bacaan kita.

Pembaca boleh memilih untuk membaca bahan bacaan rumit atau mudah difahami. Ada juga yang membaca untuk menambah ilmu dan ada yang membaca untuk sekadar dijadikan hiburan. Pada akhirnya, pembaca yang memilih bacaan yang mudah dan klise yang bertujuan mendapatkan hiburan akan berpaksikan kepada pemikiran dogmatik. Hal ini seterusnya menjadikan mereka golongan monotonous dan gagal berfikir kritis dalam mempelbagaikan idea.

Kegagalan inilah yang melahirkan mediokriti. Dalam situasi yang bertentangan pula, pemikiran kita akan lebih bercambah bila berhadapan dengan sumber bacaan yang pelbagai. Ketika inilah kemahiran menilai akan dicabar dan diasak secara bersungguh. Arah mana yang harus untuk kita ambil terhadap sesuatu perkara atau isu yang diangkat. Membaca dari sumber yang pelbagai ada keburukannya. Hal ini berlaku apabila seseorang gagal mempunyai pendirian yang tetap disamping berhadapan dengan situasi yang sentiasa mempunyai bidasan terhadap idea asal. Natijahnya mereka ini berhadapan dengan ketandusan. Sampai pada satu tahap, mereka yang mempunyai sindrom mediokriti dalam diri tidak mampu membuat pilihan yang betul dan sentiasa ingin melawan. Kesannya, mereka ini tidak mampu menghasilkan karya atau hasil kerja yang baik. Ia juga dinamakan sebagai ketandusan (<https://mindamind.wordpress.com>).

Indeks tahap pemikiran masyarakat dapat dinilai secara umum daripada kegemaran atau kegilaan luar biasa terhadap hiburan kosong seperti rancangan realiti hiburan di kaca televisyen, karnival hiburan, isu sensasi bercorak picisan dan maklumat yang bercetak dan melalui media elektronik. Capaian maklumat yang mudah dan tanpa sempadan mendedahkan masyarakat dengan kelumpuhan nilai serta pemikiran yang lemah. Dalam dunia penulisan, sindrom pertengahan atau mediokriti bermula apabila merebaknya novel-novel cinta popular yang ditulis bagi memenuhi citarasa dan kehendak yang palsu, ia kemudian merebak ke penulisan cerpen, puisi dan novel sastera serius (S.M. Zakir 2015). Penghasilan ini didoktrinkan oleh penulis dan menjadi permintaan masyarakat ini. Memperlihatkan dari sudut pandangan pengkaji, satu kritikan respons dilihat mampu memperjelaskan punca permasalahan yang berlaku.

(ii) Kesusasteraan Lepas Sebagai Langkah Permulaan

Dari satu segi, sastera menggambarkan manusia dan kehidupan sosial, sama ada gambaran itu secara realistik pada keseluruhan atau tidak. Sudah menjadi lumrah, setiap perkara ada kebaikan dan keburukan, punyai lawan dan kawan. Perkembangan pesat industri buku di tanah air sejak akhir ini menggambarkan kepesatan industri buku masa kini. Syarikat-syarikat penerbitan berlumba-lumba menghasilkan bahan bacaan mengikut permintaan dan kesesuaian pembaca hari ini terutamanya golongan muda (Nisah Hj Haron 2003).

Namun begitu, timbulnya persoalan dan pertikaian mengenai hala tuju sastera setelah penghasilan sastera popular dilihat lebih menonjol berbanding sastera serius dan berbentuk ilmiah. Ada yang beranggapan dengan kemunculan karya sastera ini dilihat mampu memberi ancaman kepada perkembangan dan identiti sastera. Menurut S.M. Zakir (2015), sindrom mediokriti telah merebak dalam sastera popular. Menurutnya, penghasilan bahan-bahan sastera popular yang bersifat ringan tidak mampu diterima sebagai bahan sastera. Jelasnya lagi, kegemaran yang luar biasa terhadap hiburan kosong telah melumpuhkan budaya tinggi yang wujud dalam masyarakat.

Sastera popular merupakan sastera yang tidak menuntut daya intelektual yang tinggi untuk menghadamkannya, tidak mementingkan aspek moral, hanya bercerita secara permukaan sahaja dan tidak mengandungi falsafah. Menurut Walter Nash (1990), sastera popular ialah karya pop mudah dibezakan kerana ia tiada merit iaitu tidak ada kualiti. Holman dan Harmon (1992) dalam penulisannya menegaskan bahawa sastera popular adalah bersifat komersial. Pun begitu, takrifan dan tanggapan sebenar mengenai sastera popular masih kabur. Sastera popular sering kali dikaitkan dengan penulisan yang menetengahkan isu cinta, bersifat ringan dan klise. Hal ini tidak menuntut daya berfikir yang tinggi kepada pembaca. S. Othman Kelantan (2012) menegaskan bahawa sastera popular banyak mengisahkan percintaan.

Victor (2014) dalam sebuah penulisannya mentakrifkan sastera popular sebagai karya yang dibaca oleh pembaca yang malas berfikir dan hanya bertujuan untuk mencari keseronokkan. Dalam buku *Literature, Popular Culture and Society*, Leo (1985) menjelaskan bahawa sastera popular boleh juga memberi kompleksiti budaya dan komodiniti popular berfungsi sebagai alat yang bersifat sosio-psikologikal masyarakat. Scott McCracken (1998) dalam bukunya *Pulp: Reading Popular Fiction* mengatakan karya popular terutamanya novel, hanya mementingkan aspek-aspek struktur novel semata-mata. Penulis lebih mementingkan plot, watak perwatakan, latar, sudut pandangan dan sebagainya sambil mengabaikan bahagian yang paling penting iaitu makna. Menurutnya lagi, pengarang bebas menghasilkan genre novel seperti genre roman cinta, fantasi, detektif atau sains fiksyen asalkan mempunyai makna dan pengisian.

Melihat kepada hal ini, beberapa persoalan timbul. Apakah matlamat penulisan karya tersebut? Apakah yang ingin dikongsi oleh karya kepada pembaca? Dan apakah ilmu pembaca bercambah selepas membacanya? Hal ini bermaksud bahawa sesuatu karya itu dinilai atau dikenali sebagai karya popular atau tidak berdasarkan pemikiran dan falsafah yang timbul atau dikemukakan oleh pembaca itu sendiri. Matlamat penulis dan pembaca juga mungkin berbeza atas dasar kehendak mereka sendiri.

Di Barat, permasalahan ini sebenarnya telah lama wujud dan berakhir. Pada tahun 1965, Stuart Hall dan Paddy Whannel telah menyenaraikan sejumlah faktor yang menggambarkan dan menjelaskan fenomena karya popular atau karya pop. Fenomena ini kemudiannya dihubungkan

dengan budaya popular waktu itu. Pertama, penulisan dan penciptaan karya tersebut dibelenggu oleh kehendak persekitaran dan hasilnya, daya kreativiti penulis disekat. Kedua, pembaca tidak lagi dilihat sebagai mereka yang membantu dalam pembinaan bangsa dan agama tetapi dipandang sebagai pembeli semata. Ketiga, dunia pseudo direka oleh media sehingga pengalaman kita menjadi stereotaip menerusi karya-karya pop tersebut. Keempat, dunia pembaca dikesalkan menerusi karya ini dengan jelas dan terasa. Kelima, sastera popular juga menjarakkan dan memutuskan diri dari pendekatan tradisi bangsa seperti sastera rakyat, termasuk pengabaian aspek sejarah. Yang terakhir, karya popular menyajikan pembaca satu pembebasan dari realiti seperti yang boleh didapati dalam telenovela.

Dalam konteks negara kita Malaysia, hal ini mudah dikesan menerusi nilai seni yang rendah; tiada strategi naratif. Contohnya ialah kerosakan bahasa dalam karya. Kedua, pemikiran yang diutarakan dalam karya bersifat kerdil atau klise seperti masalah peribadi dan pergolakan rumah tangga dimana ia berada dalam lingkungan yang kecil dan tidak berkembang. Perkara yang sedemikian memperlihatkan sastera popular sebagai satu acuan yang memberi keburukan. Ia menjadikan pembaca duduk terperangkap dalam dunia ciptaan sendiri (<http://jaafarhamdan.blogspot.com/2009/04/sastera.html>). Penghasilan karya-karya popular menjadi satu wadah yang hanya memenuhi kepuasan dan selera rendah pembaca dimana ia tidak mendorong dan memaksa mereka berfikir dan nikmatnya hanyalah sekadar hiburan. Justeru, hal ini sama seperti sindrom masyarakat pertengahan atau pasca-tamadun yang telah disebut oleh ilmuan dan ahli akademik seperti Malek Bennabi dan Syed Naquib al-Attas.

Sindrom pertengahan ini mempunyai kesejajaran dengan yang disebut oleh Malek Bennabi terhadap sifat masyarakat pasca-tamadun (*post civilized society*) atau *Mujtama' ba'da al-Hadharah*. Keadaan masyarakat yang pada ketika itu cenderung untuk hidup dalam kekosongan, malas berfikir dan sukakan hiburan tidak ubah seperti yang berlaku dalam sastera popular. Justeru, pada tahap ini Bennabi bersetuju dengan pandangan Ibnu Khaldun bahawa ikatan kebendaan dan pengejaran kepuasan untuk memenuhi kemewahan hidup membawa kepada kemerosotan rohani dan intelektual. Bermula dengan nyanyian dan muzik yang mencipta hiburan kosong, sindrom mediokriti mula merebak dalam filem, teater dan akhirnya sastera (S.M. Zakir 2015).

Penghasilan novel atau sastera bersifat ringan seperti ini jika dilihat dari sudut pandangan positif mampu menarik dan menambah bilangan pembaca. Sekurang-kurangnya ia dapat mendidik perasaan ingin membaca dan menjadi strategi untuk masyarakat lebih mencintai buku dan bahan bacaan. Namun, kompromi ini dibimbangi meneggelamkan penulisan serius seterusnya menyekat daya pemikiran kritis pembaca. Apabila karya sastera berada terkurung dan bersifat *mediocre*, ia seolah membunuh dan menutup dorongan untuk menghasilkan karya garda depan (*avant garde*). Lebih malang lagi apabila perkara ini secara perlahan-lahan melahirkan dunia yang klise, berjiwa kecil dan terasing dari masyarakat. Peranan sastera sebagai medium untuk pencernaan minda masyarakat juga turut pupus. Akhirnya, kewujudan sastera menjadi hiburan kosong.

Pada hari ini, perkembangan sastera popular telah membawa kepada merebaknya sindrom pertengahan. Pembangunan prasarana intelektual melalui penulisan sastera yang serius, kompleks dan mengangkat pemikiran masa hadapan perlu menjadi keutamaan ahli-ahli sastera yang bijaksana pada masa kini sekaligus mengurangkan dominasi sastera *mediocre* yang semakin membarah dalam dunia sastera mutakhir (S.M. Zakir 2010). Keadaan ini berpunca dari

perkembangan dunia penulisan picisan dan penulisan popular. Perkembangan budaya popular yang menebal dijana oleh kapitalisme dan telah menjadikan sesuatu karya menjadi karya rendahan (*profane*) dan bertukar kedudukan dengan sastera tinggi yang selama ini mendominasi arus perdana.

Sastera akhirnya ditekan untuk menerima dan menjadi bahan mainan untuk menghiburkan pembaca *mediocre*. Hal ini turut didorong oleh lambakan penulisan tidak bermutu yang menyuntik sindrom pertengahan dalam masyarakat. Hasilnya, masyarakat menjalani hidup semata-mata kerana rutin, berfikir secara simplistik, menurut tanpa menyoal dan mengakhiri hidup dengan seadanya. Malek Bennabi (2001) dalam satu alegorinya menyifatkan manusia *mediocre* sebagai pengembala tanpa ternakan dan petani tanpa tanah serta bajak. Mereka ini adalah manusia yang tercampak dari dimensi aktif peradaban yang disebut beliau sebagai *al rajul al kharij min al hadara*.

Al-Quran merupakan pedoman hidup (*way of life*) bagi segenap manusia yang bersifat menyeluruh. Di dalamnya terkandung ajaran-ajaran pokok atau prinsip utama yang mendasari segala aspek kehidupan manusia sesuai dengan perkembangan zaman. Salah satu tema utama yang diajari dalam al-Quran ialah membaca, yang bertujuan memberi pendidikan kepada umat manusia. Pendidikan atau ilmu secara amnya mampu diperoleh melalui kaedah membaca. Sejak awal lagi, Islam telah memberikan perhatian yang sangat besar akan konsep ilmu.

Secara logiknya, ilmu adalah satu perkara yang bertentangan dengan mediokriti. Penurunan surah al-Alaq ayat 1-5 merupakan ayat pertama yang diturunkan kepada nabi Muhammad SAW. Intipati ayat yang pertama merupakan satu perintah dari Allah SWT untuk membaca iqra'. Melalui proses pembacaan, seseorang individu memperolehi ilmu pengetahuan dan dikembangkan dalam kalangan masyarakat seperti melalui proses pendidikan. Agama Islam begitu mementingkan umatnya untuk mendalami ilmu pengetahuan. Persoalannya, adakah iqra' ini hanya perintah membaca semata-mata? Bagaimanakah untuk memahami perintah membaca seperti yang dimaksudkan dalam al-Quran?

Matlamat utama iqra' adalah membawa kemakmuran pada alam sejagat mengikut acuan al-Quran dan Sunnah. Sejarah membuktikan bahawa melalui konsep iqra' inilah Rasulullah telah berjaya mengubah orang Arab Jahiliyyah yang pada mulanya buta huruf kepada celik huruf selepas menerima Islam dibantu dengan al-Quran dan as-Sunnah yang menjadi sumber rujukan. Pendidikan pada era Rasulullah agak berbeza dengan yang sebelumnya kerana ia bersumberkan wahyu. Program peningkatan tamadun umat Islam ini diteruskan oleh Nabi Muhammad saw di Madinah dengan memperbanyakkan lagi institusi pendidikan. Baginda telah menjadikan masjid-masjid di sekitar Madinah sebagai pusat pendidikan dan pembelajaran di samping kegiatan-kegiatan lain (Ismail 1999).

Tajul Ariffin dan Nor 'Aini (2002) menyatakan untuk menjana kekuatan sesebuah bangsa dan negara, kekuatan agama hendaklah dibina dan dikembangkan di semua peringkat pendidikan. Manakala untuk mencapai matlamat memiliki warganegara yang baik, asas-asas pembinaan manusia haruslah bersepadu dan bermula dengan pembinaan akidah yang benar dan kukuh.

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah kualitatif yang digunakan adalah melalui pendekatan analisis tekstual dan memasukkan elemen kemanusiaan. Ini membolehkan setiap makna yang dikupas hidup dan dapat dirasai sendiri oleh penulis dan juga pembaca. Analisis ini memerlukan pengamatan yang peka bagi menjawab persoalan-persoalan terhadap semua elemen yang boleh memberi hasil kepada kajian ini. Kritik respons memfokuskan kepada pembaca untuk memberi atau mencari makna kepada teks sastra yang dibaca. Ilmu pengetahuan dan latarbelakang pembaca akan memberi pengaruh kepada pemberian dan pengisian makna sesebuah teks. Pembaca akan membawa kepada pelbagai teks dalam proses membaca sehingga menjadi pembaca hiperteks. Pembaca hiperteks mempunyai beberapa kriteria iaitu melihat perkara yang berkaitan kepada pembaca secara peribadi. Kedua adalah tahap minat pembaca, memenuhi tahap ingin tahu mengenai sesuatu maklumat, tahap pengalaman pembaca dan akhir sekali keperluan tugas yang menyebabkan pembaca mengakses kepada teks (Jonassen, 1988).

Dalam sejarah ketamadunan, Islam dilihat sebagai agama yang dikatakan sebagai ‘idea baharu’. Sebelum kedatangannya, masyarakat hidup dalam keadaan jahiliah. Masyarakat bertamadun hanya muncul setelah masyarakat jahiliah keluar dari kepompong kejahilan dan mula berinteraksi dengan kemunculan idea. Contoh pembentukan nilai masyarakat disini ialah pembentukan Madinah melalui percantuman ikatan antara kaum Muhajirin dan Ansar. Pembuktian kepada penggabungan ini telah wujudnya Piagam Madinah dan untuk konsep Malaysia telah wujud Perlembagaan Persekutuan. Pembentukan ini dilihat berteraskan nilai sejagat dan meruntuhkan sistem berpuak yang ada sebelumnya.

Selepas itu lahirnya masyarakat pasca-tamadun seperti yang disebut Malek Bennabi sebelum dikaitkan dengan sindrom mediokriti dalam sastra popular oleh S.M. Zakir (2015). Beberapa persoalan dikenalpasti berdasarkan masalah yang dikaji. Maksud mediokriti difahami dari sudut perkembangan teori evolusi ketamadunan secara konkrit yang dibahagikan mengikut perkembangan masyarakat yakni masyarakat pra-tamadun/ *pre-civilized society*, masyarakat bertamadun/ *civilized society* dan masyarakat pasca-tamadun/ *post-civilized* (Fawzia Bariun 1993). Persoalan kajian yang seterusnya ialah mengaitkan hubungan ilmu dengan konsep mediokriti. Konsep ilmu yang ingin dikaji akan dianalisis dari sudut pandangan ahli akademik Syed Naquib al-Attas (1995).

Seterusnya, terdapat persoalan di mana konsep mediokriti akan diteliti dalam sastra popular, *Cerpen* (2012) hasil tulisan Nadia Khan. Dua cerpen telah dipilih iaitu cerpen *Kopi Kola* dan *Puaka Pak Jaha*. Kedua-dua cerpen ini diambil dari sebuah buku antologi cerpen yang bertajuk *Cerpen* (2012). Buku ini pertama kalinya dicetak pada September 2012. Pada tahun 2012 sehingga 2016, buku ini telah diulang cetak sebanyak sepuluh kali (Buku Fixi, 2012). Cerpen *Kopi Kola* telah diadaptasikan kepada drama pendek, manakala pemilihan cerpen *Puaka Pak Jaha* pula adalah kerana ia memenangi Hadiah Sastra Kumpulan Utusan Cerpen Remaja 2009 sebelum ia diterbitkan dalam kompilasi buku *Cerpen* (201

ANALISIS KAJIAN

(i) *Puaka Pak Jaha dan Kopi Kola (2012) Satu Huraian Rahsia Ilmu*

Cerpen *Puaka Pak Jaha* mengisahkan mengenai dua orang sahabat karib, Ali dan Deris. Perkenalan mereka bermula ketika mereka sama-sama ingin disunatkan ketika kecil. Pada waktu dahulu, kampung mereka mempunyai sebuah cerita misteri mengenai Pak Jaha dan isterinya, Cik Siti. Perkahwinan Pak Jaha dan Cik Siti yang merupakan seorang gadis berumur 20-an telah menjadi buah mulut orang kampung. Anehnya, Pak Jaha yang dilihat tidak bekerja mampu hidup mewah dan mendirikan sebuah rumah batu di hujung kampung. Hal yang demikian menyebabkan orang kampung menuduh Pak Jaha mempunyai ilmu hitam dan membela toyo. Pada waktu malam, orang kampung mendengar jeritan dan lolongan Cik Siti. Cik Siti dan Pak Jaha juga jarang dilihat keluar dari rumah. Malam sebelum Ali dan Deris berangkat ke universiti, mereka dikejutkan dengan perkhabaran kematian Cik Siti. Mereka berdua mendengar perbualan antara Pak Jaha dan Tok Alang. Kata Pak Jaha, sebelum meninggal, Cik Siti mengadu sakit perut serta kekejangan dan meninggal dunia. Tambahnya lagi, air kencing Cik Siti juga bewarna hitam. Hal itu menjadi tanda tanya buat mereka berdua. Mereka teringat akan persoalan mengenai Kak Piah Janda yang mengatakan Cik Siti lawa disebabkan oleh ilmu hitam.

Kini, Ali dan Deris sudah meningkat dewasa. Ketika tamat pengajian di universiti dan matrikulasi, mereka berdua bersepakat untuk kembali ke rumah tinggalan Pak Jaha untuk mengetahui hal sebenar. Di rumah itu, mereka menjumpai fail dan botol ubat *clozapine*, ubat merawat sakit mental. Mereka turut menjumpai ubat gegat yang terlekat pada fail tersebut. Tahulah mereka bahawa selama ini Pak Jaha beristerikan Cik Siti, seorang gila. Cik Siti meninggal pada malam itu kerana termakan ubat gegat. Mereka menyedari bahawa puaka Pak Jaha selama ini adalah kasih sayangnya terhadap Cik Siti yang sanggup menahan segala toman orang kampung demi mempertahankan orang yang dia cintai.

Manakala, cerpen *Kopi Kola* menceritakan cerita cinta dua darjat. Watak dalam cerpen ini menggelar diri mereka sebagai Kopi dan Kola. Kopi ialah seorang lelaki yang tinggal di hujung kampung. Dia bekerja sebagai penulis melalui internet. Kola pula merupakan seorang gadis yang melakukan posting elektif untuk kursus fotografi di kampung itu dan merupakan pencerita dalam cerpen ini. Pencerita merupakan anak seorang diplomat yang baru dua tahun kembali ke tanah air. Sebelum ini dia dibesarkan di Dubai, Belgium dan Jepun. Mereka berkenalan di Warung Kopi Wak Dol. Perbualan mereka secara tidak sengaja telah mengeratkan lagi hubungan mereka. Pencerita selalu bertanya kepada Kopi mengenai kehidupan kampung kerana dia sudah terbiasa dibesarkan dengan kehidupan bandar. Satu hari, mereka berbual mengenai permainan tradisional. Kopi menyebut beberapa permainan tradisional seperti galah panjang dan baling selipar. Pencerita mengatakan yang dia juga tahu satu permainan tradisional. Dengan yakin dia menyebut permainan itu ialah Kopi Kola. Kopi membetulkan pencerita dengan mengatakan bahawa permainan itu diberi nama Pepsi Kola, bukannya Kopi Kola.

Kopi mencadangkan supaya mereka diberi nama samaran sempena kejadian yang memalukan itu. Bermula dari hari itu lah mereka memberi nama Kopi dan Kola kepada diri mereka. Kopi melambangkan jiwa lelaki kampung itu dan Kola menggambarkan jiwa pencerita yang hipster. Perbualan mereka berlarutan sehinggalah Kola mengajak Kopi untuk masuk meminang. Kopi yang pada mulanya menolak, akur dengan hasrat Kola. Tiba hari yang

dijanjikan, Kopi tidak kunjung tiba dan meninggalkan Kola tanpa sebarang jawapan. Setahun kemudian, Kola ke kampung itu untuk mencari Kopi. Kola ke rumah Kopi yang ternyata sudah lama ditinggalkan. Dia terjumpa nota tampal yang ditinggalkan Kopi yang memesannya untuk terus hidup. Setahun kemudian, Kola menetap di Singapura dan sudah pun mempunyai tunang bernama Jeff. Jeff gemar meminum kopi, manakala Kola sukakan air Coke. Tiba-tiba dia teringat akan kenangan lama. Pencerita mencadangkan kepada tunangnya untuk mereka dipanggil Kopi dan Kola. Jeff kemudiannya ke pejabat dan meninggalkan Kola di situ. Cerpen ini diakhiri dengan, “Assalamualaikum. Apa kahabar, Kola?” yang menunjukkan bahawa Kola bertemu semula dengan Kopi di kedai kopi tersebut.

(ii) Mediokriti dalam Konsep Ilmu

Berdasarkan kedua-dua cerpen di atas, terdapat satu jurang perbezaan yang ketara untuk dibandingkan. Cerpen *Kopi Kola* merupakan kisah percintaan remaja manakala *Puaka Pak Jaha* pula mengetengahkan isu masyarakat yang suka bergosip dan tidak mencari tahu kebenaran. Dalam hal ini, cerpen *Kopi Kola* boleh dikelaskan sebagai sebuah karya mediokriti jika dilihat dari sudut tema cerpen iaitu kisah percintaan remaja yang membawa kepada sifat karya popular iaitu bersifat ringan dan klise. Bagi cepen *Puaka Pak Jaha*, tema masyarakat kampung yang lebih suka membawa buah mulut dan menerima sesuatu berita tanpa usul periksa adalah seperti masyarakat pasca-modern yang digariskan oleh Malek Bennabi. Sikap yang ditunjukkan oleh orang kampung itu adalah salah satu sikap atau sifat masyarakat mediokriti yang menerima sesuatu perkara dengan bulat-bulat dan malas berfikir. Namun, pembawaan dua watak utama dalam cerpen itu telah memberi satu perspektif berbeza berlandaskan ciri-ciri ilmu yang dibawa oleh mereka dan akan diukur berteraskan perspektif ilmu oleh Syed Naquib al-Attas. Kajian selepas ini akan menunjukkan ciri mediokriti dalam karya dan masyarakat dan bagaimana ilmu mampu memberi impak kepada individu dan seterusnya masyarakat.

Kajian ini memberi fokus kepada konsep mediokriti. Sindrom mediokriti adalah salah satu ciri yang terdapat pada masyarakat pasca-tamadun (S.M. Zakir, 2015). Dalam sastera, mediokriti dikaitkan dengan sastera ringan seperti novel-novel popular dan menarik masyarakat penggemar hiburan. Malangnya, mediokriti yang bersifat popular, ringan dan klise akan meneggelamkan karya sastera serius. Selain itu, kajian ini melibatkan karya popular iaitu cerpen *Kopi Kola* dan *Puaka Pak Jaha* (2012) oleh Nadia Khan di dalam bukunya yang berjudul *Cerpen*. Menurut Holman dan Harmon (1992) dalam bukunya *A Handbook to Literature*, karya popular adalah bersifat komersial. Pemilihan buku *Cerpen* adalah kerana buku ini telah dicetak sebanyak sepuluh kali sejak pencetakannya yang pertama sejak tahun 2012. Pemilihan cerpen *Kopi Kola* adalah kerana cerpen ini telah diadaptasi kepada drama 10 minit dan cerpen *Puaka Pak Jaha* telah memenangi Hadiah Sastera Kumpulan Utusan Cerpen Remaja sebelum dibukukan.

Justeru, esei ini akan memberi fokus kepada pemahaman mediokriti terutamanya dalam konteks penulisan popular pada hari ini. Ia akan melihat kepada takrifan cerpen yang dipilih iaitu cerpen *Kopi Kola* dan *Puaka Pak Jaha* (2012) hasil tulisan Nadia Khan. Pemilihan dua cerpen ini dibuat berdasarkan hujahan karya popular. Maksud karya popular masih menjadi perbincangan dalam kalangan ahli akademik dan pemikir sastera. Namun, menurut William Harmon (2006) dalam bukunya *A Handbook to Literature*, karya popular adalah karya yang bersifat komersial. Namun, disebalik gambaran awal yang positif mengenai karya popular terdapat juga sisi negatif

mengenaikannya. Victor E. Neuburg (1977) berpendapat bahawa sastera popular adalah sastera yang dibaca oleh pembaca yang tidak terpelajar atau tidak berfikir secara serius dan hanya untuk tujuan keseronokan. Sejauh manakah kebenaran daripada pendapat Neuburg akan diteliti dalam esei ini?

Esei ini akan menganalisis ilmu dalam konsep mediokriti dengan cerpen *Kopi Kola* dan *Puaka Pak Jaha* (2012) melalui unsur-unsur intrinsik dan ekstrinsik. Menurut Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dalam keratan akhbar Bernama Online (2017), kadar literasi rakyat Malaysia berada pada tahap 55 peratus dengan purata setiap rakyat hanya membaca 15 hingga 20 buku setahun. Namun, jumlah ini jelas masih jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan negara lain. Beliau menjadikan Korea Selatan sebagai contoh dalam hal ini kerana negara berkenaan mempunyai kadar literasi sebanyak 99.9 peratus dengan purata seorang penduduk membaca 40 buah buku setahun. Pembaca pada hari ini bebas memilih bahan bacaan. Bahan bacaan pada masa kini pula tidak hanya terhad kepada akhbar harian dan buku. Pembaca masa kini sudah mula bijak memilih pelbagai variasi bahan bacaan seperti novel, zine dan cerpen.

Cerpen merupakan cerita pendek yang dibaca dalam waktu singkat. Cerpen termasuk dalam kategori cereka yang merupakan satu bidang yang popular. Cerpen ialah cerita berdasarkan fakta yang bercampur dengan imaginasi. Antara ciri cerpen adalah jumlah perkataannya yang kurang dari 10 ribu patah perkataan. Oleh sebab makna dari segi istilah cerpen itu ialah cerita pendek, maka ada yang menyebutkan panjang cerpen ialah sehabis meminum secawan kopi atau sehabis menghisap sebatang rokok. Justeru dalam esei ini, pengkaji akan mengkaji dua cerpen yang dipilih berlandaskan dua unsur iaitu unsur intrinsik dan ekstrinsik.

Cerpen *Kopi Kola* (2012) jika dilihat daripada unsur ekstrinsik berdasarkan latar belakang dan sejarah mengisahkan mengenai cinta dua darjat. Pada hemat saya sebagai pengkaji, menulis sebuah cerpen sebegini pada zaman moden adalah sesuatu yang biasa. Jika diteliti kembali dari sudut sejarah, filem-filem Allahyarham P. Ramlee misalnya turut mempunyai tema sebegini seperti dalam filem *Antara Dua Darjat* (1960) dan *Ibu Mertuaku* (1962). Dalam filem *Antara Dua Darjat* (1960), watak antagonis yang angkuh, Tengku Karim (Allahyarham Ahmad Nisfu) dan Tengku Mukri (Allahyarham S. Kadarisman) yang menganggap mereka yang berdarah raja lebih mulia daripada mereka yang bukan berdarah raja, dalam konteks ini, protagonis Ghazali lakonan Allahyarham P. Ramlee. Dalam *Ibu Mertuaku* (1962) pula, keangkuhan Nyonya Mansur (Allahyarhamah Mak Dara) memperlekeh Kassim Selamat hanya kerana beliau seorang ahli muzik, bukan seorang doktor atau majistret.

Akibatnya, berantakan rumah tangga anaknya Sabariah (Datuk Sarimah Ahmad) dan Kassim Selamat kerana kekejaman Nyonya Mansur yang mahu Sabariah berkahwin dengan lelaki setaraf keluarganya, Dr Ismadi (Ahmad Mahmud). Realiti yang cuba ditonjolkan oleh Nadia Khan dalam cerpen ini seolah-oleh menyelami dan mengetengahkan tema klise bagi sesebuah cerita cinta remaja terutamanya yang mungkin dilihat dari sudut tontonan penulis atau bacaannya. Berbeza dengan cerpen *Puaka Pak Jaha* (2012), unsur sejarah yang ditunjukkan adalah dari segi pengolahan cerita misteri yang dirungkai menjadi sesuatu yang lebih segar dan baharu. Permulaan cerpen yang dilihat sebagai sebuah kisah misteri dan berunsurkan mistik diakhiri dengan penerokaan dan penyudah yang bersifat saintifik dan mengandungi unsur moral yang boleh diteladani lantas meruntuhkan anggapan pembaca bahawa cerpen ini adalah cerpen biasa.

Jika dilihat daripada sudut pandang pengarang, Nadia Khan dikenali dengan novel dan karya yang bersifat santai dan menghiburkan. Talib Samat (2006) telah melakukan kajian berkenaan persamaan dan perbezaan novel popular dan novel serius. Beliau melakukan perbandingan berdasarkan beberapa aspek seperti kepengarangan pengarang, isi dan struktur kerja, jenis-jenis pengarangan, tema dan persoalan, jumlah pencetakan novel popular dan sebagainya. Berdasarkan ciri-ciri ini, terdapat satu elemen yang boleh diguna pakai dengan kajian iaitu kepengarangan pengarang. Talib mengatakan bahawa penghasilan novel popular lebih menekankan keuntungan dan hiburan semata-mata. Kesannya, tahap pemikiran pembaca tidak diuji dan karya berkenaan tidak menuntut daya fikir yang tinggi daripada pembaca. Perkara ini berkait rapat dengan sindrom pertengahan yang disebut sebagai masyarakat yang hidup dalam kekosongan dan lumpuh fikiran. Ini dijelaskan lagi oleh Malek Bennabi dalam bukunya *Fenomena Al-Quran* yang diterjemahkan oleh Abd Latif (2008). Beliau menyatakan keadaan masyarakat mediokriti yang cenderung untuk hidup dalam kekosongan, mengekor dan lumpuh pemikiran. Akibat daripada itu, keadaan masyarakat yang diserang oleh sindrom pertengahan diikat oleh kegemaran berhibur dan tidak lagi mahu berfikir.

Namun begitu, Talib bersetuju dengan satu hal iaitu penghasilan novel popular telah mencetus dan menggalakkan pembentukan budaya membaca dalam pelbagai lapisan masyarakat. Justeru, beliau mencadangkan agar syarikat penerbitan memberi peluang yang sama rata kepada penulis novel serius untuk sama-sama memajukan industri penerbitan. Nadia tergolong dalam kalangan penulis muda yang baru meningkat naik dalam dunia pencetakan masa kini. Dia juga turut berjinak dalam bidang penulisan skrip. Kejayaan novel pertamanya bertajuk *Kelabu* (2012) telah membantu dia menapak dengan lebih kukuh dalam bidang penulisan. Penghasilan novel *Gantung* (2013) dan *Gantung 2* (2017) menjadi satu fenomena sehingga ke hari ini. Novel *Gantung* itu turut diadaptasi menjadi siri di kaca televisyen pada tahun 2018. Cerpen *Kopi Kola* jelas menunjukkan sifat penyampaian yang santai dalam penulisan. Penulis yang mempunyai latarbelakang pendidikan sebagai pelajar perubatan ini malah tidak mengsia-siakan pengalamannya dan menyuntik unsur sosiologi serta psikiatri dalam cerpen *Puaka Pak Jaha* (2012). Nadia dilihat meluahkan dan mengolah pemikiran dalam cerpen ini dengan baik diselangi dengan unsur misteri.

Hubungan cerpen dengan khalayak pembaca terjadi apabila pembaca memahami dan mentafsir sesebuah karya itu. Dalam usaha mendapatkan erti atau memahami kandungan bacaan, pembaca mestilah berkeupayaan memilih dan menyusun kembali semua elemen yang berselerakan supaya menjadi satu (Umar Junus 1988). Block dan Mangeiri (2002) di dalam kajian mereka yang bertajuk *'Reason to Read: Thinking Strategies for Life Through Literature'* menyatakan bahawa pengalaman dalam pembacaan satai mampu membantu seseorang menambah tumpuan dan fokus. Kajian mereka turut membuktikan bahawa kebolehan membaca dapat ditingkatkan dengan hanya meluangkan masa sebanyak 15 minit sehari untuk membaca bacaan santai. Contoh pembacaan santai yang dimaksudkan disini adalah seperti majalah, novel, puisi atau sajak, suratkhbar dan sebagainya. Bagi cerpen *Kopi Kola* (2012), kesan yang terhasil ialah perasaan kecewa Kola kerana tidak dapat meneruskan hubungannya dengan Kopi. Walaupun pada akhirnya dia tahu perbuatan Kopi meninggalkan dia mempunyai sebab tersendiri.

Cerpen yang bertema kisah cinta remaja dan cinta dua darjat sebegini melahirkan perasaan suka dan duka kepada sesiapa sahaja yang membacanya. Manakala, cerpen *Puaka Pak*

Jaha (2012) mengutarakan persepsi masyarakat terutamanya yang berada di kampung mengenai pendatang baharu yang berpindah ke kampung. Sikap orang kampung yang suka membawa buah mulut dan menuduh tanpa usul periksa selalu diangkat dalam mana-mana karya. Hal sebegini sering terjadi dalam masyarakat dan menyebabkan pembaca merasakan bahawa apa yang diceritakan dalam cerpen ini adalah dekat dengan kehidupan seharian. Justeru, hubungan karya dengan khalayak sebegini akan menjadi lebih berkesan dan berbekas di hati pembaca terutamanya jika ia mempunyai sedikit persamaan dan secara kebetulan sama dengan kisah hidup mereka.

Dalam unsur ekstrinsik, cerpen sebagai karya juga dilihat antara hubungan karya dengan sesebuah karya yang lain. Jika dibandingkan cerpen *Kopi Kola* dengan cerpen *Puaka Pak Jaha* (2012), kedua-duanya mempunyai persamaan dari segi tema cinta. Namun kedua-dua cerpen mempunyai cerita cinta berbeza. Cerpen *Kopi Kola* (2012) adalah kisah percintaan antara dua anak muda manakala cerpen *Puaka Pak Jaha* (2012) pula adalah kisah percintaan dan kasih sayang suami kepada isterinya. Dalam cerpen *Kopi Kola* (2012), kedua-dua watak utama masih muda dan pada akhirnya, kisah cinta mereka tidak kesampaian disebabkan sebab-sebab tertentu. Berbeza dengan kisah Pak Jaha yang memperisterikan gadis muda yang mempunyai penyakit mental namun merahsiakannya kerana bimbang akan tomahan orang kampung. Kedua-dua cerpen berakhir dengan kesedihan. Kola tidak dapat meneruskan hubungannya dengan Kopi kerana Kopi meninggalkan dia dan Pak Jaha pula kehilangan isterinya, Cik Siti kerana Cik Siti meninggal tertelan ubat gegat. Kedua-dua cerpen ini menceritakan mengenai kisah kehilangan orang tersayang namun dalam cerita dan dari sudut yang berbeza.

Cinta boleh dikaji sebagai hubungan kasih sayang antara ibu dan anak, cinta yang romantik dan kasih sayang. Perhubungan antara suami isteri seperti Pak Jaha dan Cik Siti dapat dikaitkan dengan konsep pemikiran Syed Naquib al-Attas dalam konsep *Unity of Life*. Perbuatan Pak Jaha yang mengahwini dan menjaga Cik Siti hingga ke akhir hayat adalah satu bentuk tanggungjawab yang disarankan dalam agama sebagaimana yang ditegaskan oleh Syed Naquib al-Attas dalam tulisannya yang bertajuk *Islamization of Knowledge: General Principals and Work Plan* (1997). Berdasarkan perspektif Islam, manusia diciptakan oleh Allah untuk membawa kebaikan; beribadat kepadaNya dan berbuat baik sesama insan. Menurut pandangan al-Attas, hati, jiwa, roh dan akal merupakan aspek-aspek yang mempunyai fungsi yang berbeza. Pertama, ia merujuk kepada aspek jasmani atau jasad dan yang kedua, ia merujuk kepada aspek spiritual atau jiwa manusia. Kedua-dua aspek aspek ini saling melengkapi dan merupakan amanah dari Allah. Amanah bagi al-Attas memberi maksud yang sama dengan tanggungjawab. Ikatan antara Pak Jaha dan Cik Siti terbentuk melalui pernikahan atas persetujuan dan rasa tanggungjawab masing-masing. Menurut Nabi S.A.W, kegagalan untuk menunaikan dan melengkapkan amanah yang diberi diibaratkan seperti orang jahiliyyah (tidak bertamadun).

Justeru, unsur ekstrinsik dilihat sebagai sebuah pendekatan yang berkaitan dengan unsur diluar karya. Unsur ini penting untuk dikaji bagi memberi satu gambaran yang lebih jelas akan sesuatu karya. Unsur ekstrinsik bukan sahaja melihat dari sudut luaran karya seperti penulis namun lebih besar dan merangkumi aspek sosiologi sesebuah masyarakat. Pendekatan unsur ekstrinsik penting untuk memberi makna kepada sesebuah karya. Karya dapat dinilai dari sudut pandang yang lebih luas dan berbeza. Bagi cerpen *Kopi Kola* dan *Puaka Pak Jaha* (2012), pemilihan sejarah, kepengarangan pengarang, hubungan karya dan pembaca serta hubungan

karya dengan karya lain telah mempamirkan bahawa interpretasi terhadap sesuatu karya dapat dikembangkan dengan melihat daripada sudut dan pendekatan yang berbeza.

Unsur intrisik adalah unsur yang membangun dari dalam cerita yang berteraskan tema, plot, latar, watak perwatakan, sudut pandang dan harapan. Dalam cerpen *Kopi Kola* (2012), tema yang diketengahkan ialah cinta dua darjat dan cinta remaja. Cinta merupakan sesuatu yang mulia, bersifat lumrah dan merupakan fitrah manusia yang dianugerahkan Allah. Dalam erti kata lain, cinta merupakan rahmat dan sambungan hubungan umat manusia. Hal ini digambarkan oleh Nadia Khan dalam kedua-dua cerpen ini. Faktor cinta remaja ialah kerana fitrah dan faktor luaran seperti pengaruh kawan, keluarga dan media massa (Robiah Kulop, 2006). Hakikat cinta remaja yang sebenar adalah berbeza dengan cinta orang yang sudah mempunyai ikatan perkahwinan. Al-Attas (1977) menegaskan *al-sa'dah* (kebahagiaan) pada manusia adalah kemuncak kebahagiaan terakhir iaitu menyerahkan diri kepada Allah dan mentaati segala perintah dan laranganNya. Perkara ini terdapat dalam cerpen *Puaka Pak Jaha* (2012). Pak Jaha yang mempunyai ikatan suami isteri dengan Cik Siti telah melakukan tanggungjawabnya sebagai seorang suami untuk berada dalam susah dan senang bersama isteri.

Menurut Abdullah Nasih Ulwan (2012) al-Quran telah menggariskan cinta kepada tiga peringkat iaitu cinta paling agung, cinta pertengahan dan cinta paling hina. Cinta paling agung ialah cinta kepada Allah dan Rasul serta berjihad pada jalan Allah. Cinta pertengahan ialah cinta dan kasihkan ibu bapa, anak-anak, saudara mara, isteri dan kaum kerabat. Manakala cinta yang paling rendah nilainya ialah terlalu mencintai dan mengasihi manusia dan harta benda melebihi cinta akan Allah dan RasulNya. Justeru, tema cinta yang dibawa dalam cerpen *Puaka Pak Jaha* (2012) boleh dikelaskan sebagai cinta pertengahan. Pandangan al-Attas (1997) mengenai kebahagiaan berkait dengan konsep adil. Adil yang dimaksudkan disini bukanlah adil seperti mana adilnya seorang raja kepada rakyat, tetapi adil yang dilakukan ke atas diri sendiri. Maka, definisi cinta yang ditunjukkan di sini adalah apabila seseorang itu meyakini dan mempunyai pengetahuan tentang Tuhan. Hanya melalui ilmu pengetahuan, cinta kepada Tuhan mampu diperolehi dan tujuan utama kebahagiaan adalah cinta kepada Tuhan.

Cerpen *Puaka Pak Jaha* (2012) juga mengutarakan tema masyarakat yang suka mendengar gosip dan menuduh tanpa usul periksa. Jika dilihat dari sudut pandang yang lebih besar, bergosip merupakan satu perspektif oleh seseorang atau sesebuah masyarakat terhadap sesuatu. Gosip dari sudut etimologi merupakan berita negatif yang bersimpang dari kebenaran atau samar-samar sehingga arah gosip menurut hadis dapat diklasifikasikan kepada dua bahagian iaitu *gibah* (jika berita tersebut pada kenyataannya benar). Namun, jika berita tersebut adalah tidak benar dan tidak nyata, maka hal ini jatuh kepada perbuatan *buhtan* atau fitnah (Ali bin Balban, 1997). Sehubungan dengan perkembangan zaman, perkataan gosip sudah menjadi tidak asing lagi dan mempunyai maksud yang membawa kepada cerita negatif. Dari sudut pandangan jurnalistik, apabila sesuatu maklumat atau informasi mempunyai sumber, maka hal itu layak atau sah untuk diberitakan (Richard Keeble 2008).

Dalam sastera atau dalam kehidupan seharian, terdapat tiga cara untuk memahami watak dan perwatakan. Pertama, berdasarkan perkataan yang disampaikan individu. Kedua, berdasarkan sikap dan kelakuan individu dan ketiga adalah berdasarkan pendapat orang lain mengenainya (Umar Junus 1993). Watak perwatakan membantu pembaca untuk memahami cerita dengan lebih mudah selain mampu menjadikan sesuatu cerita itu lebih menarik. Dalam cerpen *Puaka Pak Jaha* (2012), terdapat dua watak dominan iaitu Ali dan Deris. Kedua watak ini

juga dianggap sebagai watak suri teladan atau protagonis yang mempunyai citra yang baik. Dalam sesebuah cerita, unsur perwatakan penting bagi menghidupkan cerita atau sebagai perantaraan bagi melengkapikan persoalan cerita. Ali dan Deris merupakan kawan baik. Kedua watak ini mempamerkan sifat berani.

Walaupun cerpen ini berlatarbelakangkan masyarakat kampung, tetapi watak yang dibawa Ali dan Deris adalah watak pemuda kampung yang berpendidikan. Mereka berdua juga mempunyai sifat ingin tahu berbanding watak-watak sampingan yang lain. Kedua-dua watak Ali dan Deris merupakan pelajar berkelulusan universiti. Deris melanjutkan pelajaran peringkat diploma dalam pengajian kejuruteraan, manakala Ali dalam bidang perubatan. Orang kampung yang lain seperti watak Abang Budin dan Wan Lijah hanya sibuk membawa buah mulut dan bercerita mengenai Pak Jaha dan Cik Siti tanpa usul periksa. Para sarjana Islam seperti Abu Qahir al-Baghdadi, al-Nasafi, al-Taftazani dan al-Raniri bersepakat bahawa sumber ilmu itu tiga, iaitu pancaindera yang sempurna, akal yang sihat dan khabar yang benar (Anwar Ridhwan, 2016). Hal ini membawa kepada kesimpulan bahawa pendidikan dan ilmu penting bagi membezakan atau mengetahui sesuatu kebenaran.

Unsur intrinsik seterusnya ialah cara pengarang menempatkan posisinya dalam cerita. Sudut pandang dalam sastera terbahagi kepada tiga iaitu sudut pandang orang pertama, sudut pandang orang ketiga (pengamat) dan sudut pandang orang ketiga yang serba tahu (Charles Brashear 2005). Sudut pandang adalah cara bercerita dan pandangan visi pengarang pada sesuatu peristiwa dalam cerpen. Dalam cerpen *Kopi Kola* (2012). Penulis meletakkan cerpen ini melalui penceritaan seorang gadis yang dikenali dengan nama Kola yang merupakan sudut pandang pertama sebagai pencerita. Kola merupakan watak protagonis dalam cerpen. Kola telah bercerita dan mengimbas kembali pengalamannya berkenalan dengan lelaki yang dikenali dengan nama Kopi ketika dia menjalani posting dalam bidang fotografi di kampung. Melalui sudut pandang ini, jalan cerita berjalan berdasarkan apa yang dialami oleh watak *Aku*. Sudut pandang pertama dapat dirasakan oleh pengarang atau pembaca yang mengikuti cerita dan situasi yang dialami watak *Aku*.

Contoh naratifnya adalah seperti “Aku cuma tahu yang dia duduk kat hujung kampung-rumah yang mana, aku tak tahu.” Begitu juga dengan cerpen *Puaka Pak Jaha* (2012), sudut pandang pertama telah digunakan. “Aku cuma mampu tertawa; ternyata aku tidak dapat menyangkal kata-kata Deris.” Berdasarkan kedua-dua cerpen, penulis telah menggunakan teknik imbas kembali bagi mengungkapkan semula kisah, kejadian, peristiwa atau masalah yang telah berlaku yang dialami oleh watak sebelum kisah ini disampaikan. Ia boleh dikemukakan dalam bentuk dialog monolog atau ingatan dan mimpi. Dalam kedua cerpen ini jelas menunjukkan penulis menulisnya sebagai bentuk ingatan. Rumusan yang boleh dibuat berdasarkan unsur intrinsik ialah melihat kepada kepentingan struktur cerpen. Penggunaan tema, plot, perwatakan dan sudut pandang dalam cerpen *Kopi Kola* dan *Puaka Pak Jaha* (2012) dapat meluaskan sudut pandang pengkaji terhadap cerpen. Elemen yang dikaji membantu bagi melihat sejauh mana unsur dalaman dalam karya mampu memberi makna dan membawa interpretasi yang berbeza jika dikaji. Pembawaan watak dan perwatakan menghidupkan lagi tema sesebuah cerita didorong oleh sudut pandang pencerita yang sama-sama mempengaruhi pembaca untuk menyelami penceritaan itu.

KESIMPULAN

Kajian ini membuka satu ilmu baharu kepada manusia yang sering selesa dengan kehidupan sedia ada. Walaupun hujahan hanya melalui sebuah cerpen tetapi dapatan kepada hujahan ini adalah satu sumbangan besar kepada pembaca kerana ia membuka minda pembaca untuk memahami konsep ilmu melalui akal. Akal yang bersih adalah lahir dari hati Muslim yang bersih. Dari sudut pandangan seorang Muslim yang kehidupannya tidak terpisah daripada agamanya sejak dari dalam buaian sehingga kini, pengkaji mendapati bahawa ilmu adalah satu perjalanan yang bersifat mengetahui, memahami dan mengalami sesuatu perkara yang dimiliki oleh manusia dan pengetahuan itu hanyalah cebisan kecil daripada ilmu Tuhan yang maha luas. Setara dengan sifatNya Yang Maha Mengetahui (Al-Alim), seperti yang disebutkan dalam al-Quran, “Dan sesungguhnya Tuhanmu mengetahui segala apa yang ada di langit dan di bumi” (17: 55). Penjelasan tentang konsep ilmu dalam lima ayat pertama yang diturunkan dalam al-Quran sudah menunjukkan signifikasi yang jelas mengenai ilmu. Selain daripada perintah Allah supaya Nabi Muhammad membaca, minda dan kesedaran manusia selalu dirangsang dengan pertanyaan dan persoalan retorik firman-firman Allah yang berbentuk “apakah engkau tidak berakal?” dan “apakah engkau tidak berfikir?”.

Ini menunjukkan bahawa al-Quran sering merangsang dan menggalakkan manusia supaya menggunakan akal dan sentiasa menggunakan akal. Hal yang demikian telah meletakkan ilmu kepada sebuah landasan yang kuat dan jelas dari sudut pandang Islam. Sehubungan dengan itu, manusia juga dilahirkan ke dunia dalam keadaan suci, bersih dan tidak mengetahui apa-apa. Firman Allah SWT (al-Nahl 16:78) yang bermaksud “Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu dengan keadaan tidak mengetahui sesuatupun; dan Dia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati (akal fikiran) supaya kamu bersyukur.”

Ciptaan Allah yang sangat luas memerlukan kajian yang mendalam, memerlukan manusia menggunakan akalnya dan memperoleh pengetahuan yang tinggi. Penguasaan ilmu adalah amat dituntut oleh Islam. Justeru, Islam mewajibkan setiap umatnya tidak kiralah lelaki ataupun perempuan untuk menuntut ilmu. Kewajipan ini juga bertujuan supaya umat Islam terhindar dari kejahilan. Di samping itu, Allah juga telah menegaskan dalam firmanNya Surah al-Zumar (39:9) tentang perbezaan di antara orang yang berilmu dengan orang yang tidak berilmu. Allah dengan jelas memberikan penghargaan yang cukup tinggi kepada orang yang berakal, berfikiran dan berilmu pengetahuan.

Pada awalnya, pengkaji mendapati bahawa adalah sukar untuk mengukur dan mendalami maksud ilmu sebagaimana contoh udara yang bersifat emperikal yang hanya boleh dikesan oleh pancaindera dan alatan sains. Pengalaman dalam menulis kajian ini pengkaji melihat wujudnya ilmu kalam yang menjadi perosak kepada ilmu hakikat. Ilmu kalam ialah ilmu yang mempelajari tentang ketuhanan berdasarkan logik akal. Ilmu logik ini dicari untuk memahami sesuatu ilmu dalam Islam seperti beriman, Islam, bertakwa, beramal soleh dan lain-lain. Ilmu ini didapati daripada kitab-kitab karangan manusia, ceramah-ceramah agama dan guru-guru yang mengiktiraf diri mereka sendiri untuk mengajar. Sementara ilmu hakikat ini adalah ilmu syahadah, ilmu kesaksian. Ilmu ini bukan difahami tetapi ilmu ini perlu ditemui. Untuk memperolehi ilmu ini perlu melakukan pencarian dan perjalanan kerohanian, dengan bimbingan guru pembimbing menuju kejalan kebenaran dan ini akan menjawab kepada pencarian tentang beriman, Islam, bertakwa dan beramal soleh. Kewujudan Tuhan pula tidak boleh diukur

menggunakan metod yang sama tetapi boleh dibuktikan dengan hujahan dari akal yang telah menemui secara rasional. Tetapi tidak logik dek akal pula jika ianya tidak mempunyai punca terjadi dan bergerak secara sendiri tanpa ada kuasa yang mengawal dan menjadikannya. Seterusnya, kewujudan alam akhirat juga tidak boleh dikesan melalui pancaindera, teknologi mahupun dibuktikan secara logik tetapi ilmu mengenainya boleh diketahui kerana disampaikan melalui wahyu Tuhan kepada Rasul. Oleh yang demikian, setiap unsur yang boleh dikesan pancaindera, alatan teknologi mahupun akal boleh dianggap sebagai fakta dari sudut pandangan Islam. Sebagaimana yang dinyatakan Syed Naquib al-Attas bahawa ilmu adalah sesuatu yang diperoleh melalui kajian yang sampai kepada maknanya.

Pendefinisian ilmu dalam Islam mempunyai pelbagai variasi. Premis yang dibawa oleh al-Attas membahagikan ilmu kepada dua bahagian. Yang pertama adalah ilmu itu datangnya daripada Allah dan diberikan kepada manusia sebagai kurniaNya. Yang kedua adalah sesuatu yang dicapai oleh jiwa yang aktif dan kreatif berdasarkan usahanya sendiri yang diperolehi melalui pengalaman, penyelidikan dan kajian. Satu perkara yang dilihat menjadi aspek penekanan disini ialah makna. Sebarang objek, perkara, fakta mahupun peristiwa diketahui oleh seseorang melalui pemberian makna baginya. Sebagai contoh, bagi haiwan seperti ayam, wang dan harta tidak memberi makna kematian kepadanya kerana itu adalah fitrah kehidupan. Maka sesuatu itu dapat dilihat seperti hipotesis; semakin diketahui, semakin ia bermakna. Oleh yang demikian, berlakunya proses kognitif dimana fikiran tidak sekadar menerima secara pasif namun aktif dalam menerima dan mempersiapkan diri untuk mengolah dan memilih makna yang diterima secara sedar.

Ilmu merupakan satu elemen yang penting dalam menentukan kemajuan dan kedudukan sesebuah bangsa dan peradaban. Manusia yang tidak berilmu dianggap lemah dan jahil dalam mendepani masa hadapan. Penyuntikan ilmu dalam peradaban telah mencorak kehidupan masyarakat dari pelbagai aspek seperti sosial, ekonomi, kesenian, politik, bahasa dan kesusteraan. Ketandusan ilmu dilihat mewujudkan masalah seperti mediokriti. Mediokriti merupakan gejala negatif dan meruntuhkan nilai-nilai murni dalam sesebuah masyarakat. Mediokriti membawa kepada keraguan, kecenderungan untuk berhibur dengan berlebih-lebihan dan menyebabkan seseorang malas berfikir.

Harapan besar kajian ini dalam bidang sastera, adalah dengan melihat mediokriti telah sebagai satu sindrom yang menenggelamkan karya serius seterusnya mengangkat penulisan popular dan picisan yang tidak bermutu. Keadaan ini telah meletakkan masyarakat dalam dunia yang disuntik dengan sindrom pertengahan lantas menidakkan tumpuan untuk meletakkan sastera sebagai satu budaya tinggi mahupun dipandang serius. Penolakan mediokriti ini kerana sifatnya yang berlawanan dengan ilmu. Berhadapan dengan masyarakat pada hari ini, kepentingan ilmu tidak boleh dinafikan dan satu pegangan yang teguh dan pembinaan berteraskan al-Quran dan Sunnah perlu seimbang supaya tidak berlakunya kemunduran seperti masyarakat di zaman jahiliyyah dulu. Fahaman ini perlu berubah kerana masyarakat yang berjaya adalah masyarakat yang memerlukan perubahan dan ingin berubah. Begitu juga dengan sastera. Sastera tidak boleh mati kerana sastera adalah jiwa kepada kehidupan, sastera adalah falsafah segenap bangsa dan falsafah adalah salah satu cadang ilmu tauhid yang menjadi kesatuan dan meruntuhkan keakuan bagi setiap manusia di muka bumi ini. Ini sekaligus memberi manfaat dan kepentingan bagi pengkaji akan datang dalam memperkasakan kualiti dan nilai tamadun sastera dan manusia.

RUJUKAN

- Surah al-Baqarah: 44. Mohd Puzhi bin Usop. (2009). Terjemahan al-Hidayah al-Quran al-Karim. Selangor: Al-Hidayah House of Quran Sdn. Bhd.
- Surah Ali-Imran: 45. Mohd Puzhi bin Usop. (2009). Terjemahan al-Hidayah al-Quran al-Karim Selangor: Al-Hidayah House of Quran Sdn. Bhd.
- Surah al-Isra': 55. Mohd Puzhi bin Usop. (2009). Terjemahan al-Hidayah al-Quran al-Karim. Selangor: Al-Hidayah House of Quran Sdn. Bhd.
- Surah al-Nahl': 78. Mohd Puzhi bin Usop. (2009). Terjemahan al-Hidayah al-Quran al-Karim. Selangor: Al-Hidayah House of Quran Sdn. Bhd.
- Surah al-Zumar: 9. Mohd Puzhi bin Usop. (2009). Terjemahan al-Hidayah al-Quran al-Karim. Selangor: Al-Hidayah House of Quran Sdn. Bhd.
- Abd Nabil. (1990). *Al-Mujam al-shamil li-mustalahat Majma al-Lughah al-Arabiyah: Al-ulum al-tiqniyah wa-al-handasiyah* (1st ed.). Mesir: Maktabat al-Sunnah.
- Abdullah Nashih Ulwan. (2012). *Pendidikan anak dalam Islam*. Surakarta: Insan Kamil.
- Ali bin Balban al-Fari. (1997). *Shahih ibnu hibban bit tartib ibn balban*. Lubnan: Pustaka Azzam.
- Anwar Ridhwan. (2016). *Budaya, sastera dan seni*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Azam Hamzah. (1990). *Tamadun Islam: Konsep dan pencapaiannya*. Shah Alam: Penerbitan Hizbi.
- Block, C., & Mangeri, J. N. (2002). Recreational reading: 20 years later. *The Reading Teacher*, 55(6), 527-580.
- Brashear, C. (2005). *Elements of the short story*. New York: BOOKS.
- Fawzia Bariun. (1993). *Malek Bennabi: His life and theory of civilization*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Hall, S., & Whannel, P. (1965). *The popular arts*. London: Pantheon Books.
- Harmon. W. (2006). *A handbook to literature*. New Jersey: Pearson Education.
- Holman, C. H., & Harmon, W. (1992). *A handbook to literature* (8th ed). New Jersey: Macmillan.
- Ismail Bakar. (1999). *Sejarah tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Jonassen, D. H. (1988). Hypertext principles for text and courseware design. *Educational Psychologist*, 21(4), 269-292.
- Kadar literasi rakyat Malaysia masih pada tahap 55 peratus. (21 April 2017). *Bernamea Online*. <https://www.pnm.gov.my>
- Karim, F. (2015). *Essential ihya' 'ulum al-din* [The revival of the religious sciences]. Petaling Jaya: Islamic Book Trust.
- Keeble, R. (2008). *Ethics for journalists*. Abigdon: Taylor & Francis.
- Lowenthal, L. (1985). *Literature, popular culture and society*. New York: Pasific Book Pub.
- Malek Bennabi. (2008). *Fenomena al-quran*. Diterjemahkan oleh Rosiyah Abd. Latif, Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Malek Bennabi. (2001). *The qur'anic phenomenon: An essay of a theory on the qur'an* (2nd ed.). Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.
- McCracken, S. (1998). *Pulp: Reading popular fiction*. Manchester: Manchester University Press.

- Mohd Farid Mohd Shahrn. (2015). *Akidah dan pemikiran Islam: Isu dan cabaran*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Abdul Mujib (2019). Hakekat Ilmu Pengetahuan dalam Perspektif Islam. Ri'ayah. *Jurnal Sosial dan Keagamaan*, 4(1), p. 44-59. doi:<https://doi.org/10.32332/riayah.v4i01.1504>.
- Nadia Khan. (2012). *Cerpen*. Petaling Jaya: Buku Fixi.
- Nadia Khan. (2013). *Gantung*. Petaling Jaya: Buku Fixi.
- Nadia Khan. (2017). *Gantung 2*. Petaling Jaya: Buku Fixi.
- Nash, W. (1990). *Language in popular fiction*. London: Routledge.
- Neuburg, V. E. (1977). *Popular literature: A history and guide*. <https://www.taylorfrancis.com/books> [26 Mac 2019]
- Nisah Hj Haron. (2003). Polimik definisi sastera popular. *The Malaysian Insider*. <http://www.theinsiderarchived.com>, [29 April 2019]
- Robiah Kulop Hamzah. (2006). *Kenapa perlu bercinta*. Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn. Bhd.
- S. Othman Kelantan. (2012). *Pemikiran sasterawan negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- S. M. Zakir. (2015). Pembinaan mercu tanda sastera Malaysia: Sastera sebagai negara budaya tinggi. Dalam Mohamad Saleeh Rahamad & Rozlan Mohamed Noor (Ed.), *Sastera teras negara bangsa* (ms. 181-198). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Sastera?. (2009). <http://jaafarhamdan.blogspot.com/2009/04/sastera.html>, [21 Mei 2019]
- Schwitzgebel, E. (July 2019). Aiming for Moral Mediocrity. *Res Philosophica*. 96(3). p. 347-368. <https://doi.org/10.11612/resphil.1806>
- Sebuah Esei Tentang Toko (2011). <https://mindamind.wordpress.com>, [28 April 2019]
- Sidek Baba. (2006). *Pendidikan rabbani: Mengenal Allah melalui ilmu dunia*. Shah Alam: Karya Bestari Sdn. Bhd.
- Sindrom mediokriti dalam sastera (2010). <http://smzakirsayapmatahari.blogspot.com/2010/10/sindrom-mediocrity-dalamsastera.html>, [8 Mei 2019]
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1977). *Faham agama dan asas akhlak*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. (1995). *Islam dan filsafah sains*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. (1997). *Islamization of knowledge: General principals and work plan*. Virginia: International Institute of Islamic Thought.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (2001). *Risalah untuk kaum muslimin*. Kuala Lumpur: The International Institute of Islamic Thought and Civilization.
- Tajul Ariffin Noordin & Nor'Aini Dan. (2002). *Pendidikan dan pembangunan manusia: Pendekatan bersepadu*. Bangi: As Syabab Media.
- Talib Samat. (2006). *Proses kreatif dan pengalaman berkarya*. Ipoh: Percetakan Zainan Kassim Sdn. Bhd.
- Umar Junus. (1993). *Dongeng tentang cerita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yusuf Qardhawi. (1996). *Al-aql wa al-'illm fi al-quran al-karim*. Kaherah: Maktabah Wahbah.

MAKLUMAT PENULIS

NURUL NURAINA ANUAR

Fakulti Filem, Teater dan Animasi,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor,
Kampus Puncak Perdana
40150, Shah Alam, Selangor, Malaysia
nnuraina95@gmail.com

NUR NAFISHAH AZMI

Fakulti Filem, Teater dan Animasi,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor,
Kampus Puncak Perdana
40150, Shah Alam, Selangor, Malaysia
nafishah2610@uitm.edu.my